

KOMPETENSI PENSYARAH DALAM PROSES PENGAJARAN : SATU KAJIAN DI POLITEKNIK PORT DICKSON

YUSNITA BINTI YUSOF

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00071114 7

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS*

JUDUL: KOMPETENSI PENSYARAH DALAM PROSES PENGAJARAN: SATU
KAJIAN DI POLITEKNIK PORT DICKSON

SESI PENGAJIAN: 2003/2004

Saya YUSNITA BINTI YUSOF (NO. K/P: 800303-08-5458)

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.

4. **Sila tandakan (✓)


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap:
580 JALAN TAHAN,
FELDA TROLAK SELATAN,
35600 SUNGKAI, PERAK.


Tarikh: 29 SEPTEMBER 2003

Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENYELIA)
TN HAJI MD YUSOF BIN JAMAR
Nama Penyelia

Tarikh: 29 SEPTEMBER 2003

- CATATAN:
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya/Kami* akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya/kami* karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.

Tandatangan : 
Nama Penyelia : TN. HAJI MD YUSOF BIN JAMAR
Tarikh : 29 SEPTEMBER 2003

* Potong yang tidak berkenaan.

**KOMPETENSI PENSYARAH DALAM PROSES PENGAJARAN: SATU
KAJIAN DI POLITEKNIK PORT DICKSON**


YUSNITA BINTI YUSOF

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
Sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2003

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 

Nama Penulis : YUSNITA BINTI YUSOF

Tarikh : 29 SEPTEMBER 2003

*Bingkisan Ilmu Ini Dititipkan Khas Untuk Yang Teristimewa
Mak dan Ayah*

Supiah Ibrahim & Yusof Basri
*Segala Kasih Sayang Yang Diberikan Tidak Mungkin Terbalas Walau Dengan
Segunung Intan*

Tidak Lupa Kepada Adik Beradikku Yang Terlalu Banyak Menabur Budi....

Serta Rakan-rakan Seperjuangan

Terima Kasih Atas Segalanya....

*Tiada Harta Yang Ternilai Setara Nilainya
Dengan Kasih Sayang Dan Cinta Kalian*

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih

Syukur kehadiran Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnianya dapat saya menyiapkan kajian ini dengan jayanya setelah menempuh pelbagai cabaran dengan penuh kesabaran. Saya juga merakamkan jutaan terima kasih saya kepada Tn. Haji Md Yusof bin Jamar selaku penyelia saya yang banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat selama saya menyiapkan kajian ini.

Segala maklumat dan kerjasama yang saya perolehi daripada pihak Politeknik Port Dickson saya ucapkan terima kasih di atas kesudian mereka dalam membantu saya untuk memperolehi maklumat-maklumat berguna berkaitan kajian yang saya jalankan ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada teman saya Wan Junizam Wan Yusof, Azurahani Bahari dan Emedya Murniwaty Samsudin yang telah turut sama membantu saya untuk menjayakan kajian ini.

Akhir sekali penghargaan saya ini juga ditujukan khas kepada ibu bapa saya serta abang dan adik-adik tersayang di atas segala dorongan yang telah diberikan. Jasa dan bantuan yang telah diberikan akan sentiasa diingatan dan terima kasih di atas segala-galanya.

Yang Benar,
Yusnita Binti Yusof
GT020203

ABSTRAK

Cabaran utama yang dihadapi oleh sistem pendidikan di Malaysia dewasa ini ialah untuk menghasilkan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran dan kompetensi khusus bagi membolehkan mereka menjalankan peranan masing-masing. Oleh itu, pensyarah politeknik perlu memastikan mereka melengkapkan diri dengan pelbagai kompetensi-kompetensi agar proses pengajaran dapat ditingkatkan di politeknik-politeknik. Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kompetensi-kompetensi yang perlu ada pada seseorang pensyarah dalam menghasilkan proses pengajaran yang efektif. Kajian ini telah dijalankan ke atas 105 orang pensyarah yang sedang berkhidmat di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan. Dapatan kajian menunjukkan pensyarah-pensyarah tersebut beranggapan bahawa kompetensi-kompetensi pengajaran adalah perlu mereka kuasai dalam menghasilkan pengajaran yang efektif. Mereka juga merasakan mereka mempunyai kompetensi pengajaran yang tinggi. Kompetensi-kompetensi pengajaran yang perlu bagi pensyarah berdasarkan keutamaan ialah kompetensi perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran, penilaian pencapaian pelajar dan hubungan interpersonal. Oleh itu, seseorang pensyarah hendaklah memastikan mereka mempunyai kompetensi-kompetensi tersebut dalam menghasilkan pengajaran yang efektif.

ABSTRACT

The main challenge of our educational system is to produce work force that have specific skill and competence. Hence, polytechnic lecturers must make an effort to acquire teaching techniques. This research is intended to determine the lecturers' teaching competence as well as to provide an effective teaching process. This study was conducted on 105 lecturers at Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan. The study shows that lecturers believe that they should possess teaching competencies. They also admit that they have high competency in teaching. The necessary competencies that contribute to effective learning are planning, delivering, assessment and interpersonal skill.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
1	Pengenalan	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latarbelakang Kajian	2
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Persoalan Kajian	5
	1.5 Objektif Kajian	5
	1.6 Kerangka Teori	6

1.7	Kepentingan Kajian	7
1.8	Skop Kajian	8
1.9	Batasan Kajian	8
1.9	Definisi Operasional	9
II	KAJIAN LITERATUR	10
2.1	Pengenalan	10
2.2	Kompetensi	10
2.2.1	Definisi Kompetensi	11
2.2.2	Pendidikan Berasaskan Kompetensi	12
2.3	Peranan Pensyarah Dalam Pengajaran	13
2.4	Perancangan Pengajaran	18
2.4.1	Objektif Pengajaran	20
2.4.2	Alat dan Bahan Pengajaran	20
2.4.3	Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	22
2.5	Perlaksanaan Pengajaran	23
2.6	Penilaian	25
2.7	Hubungan Interpersonal	26
2.8	Kajian Terdahulu Yang Berkaitan	28
III	METODOLOGI	30
3.1	Pengenalan	30
3.2	Rekabentuk Kajian	30
3.3	Lokasi Kajian	31
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	32
3.5	Instrumen Kajian	32
3.5.1	Soal Selidik	32

3.5.2	Pembentukan Instrumen	33
3.5.3	Item Soal Selidik	35
3.5.4	Kajian Rintis	37
3.5.5	Ujian Kebolehpercayaan	38
3.6	Pengumpulan Data	39
3.7	Penganalisaan Data	40
IV	ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN	41
4.1	Pengenalan	41
4.2	Sampel Kajian	42
4.3	Ciri-ciri Demografi Responden	43
4.3.1	Jantina	43
4.3.2	Umur	43
4.3.3	Kelulusan Akademik	44
4.3.4	Kelayakan Iktisas Dalam Pendidikan	45
4.3.5	Pengalaman Sebagai Pensyarah Politeknik	46
4.3.6	Mata Pelajaran Utama Yang Diajar Di Politeknik	47
4.3.7	Kursus Dalam Perkhidmatan	48
4.3.8	Bentuk Kursus dan Sumber Pengetahuan	49
4.4	Kompetensi Yang Diperlukan	50
4.4.1	Perancangan Pengajaran	50
4.4.2	Perlaksanaan Pengajaran	54
4.4.3	Penilaian Pencapaian Pelajar	56
4.4.4	Hubungan Interpersonal	57
4.5	Kompetensi Yang Ada	59
4.5.1	Perancangan Pengajaran	59

	4.5.2	Perlaksanaan Pengajaran	62
	4.5.3	Penilaian Pencapaian Pelajar	64
	4.5.4	Hubungan Interpersonal	65
4.6		Keutamaan Kompetensi Mengikut Persepsi Responden	67
V		PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	69
	5.1	Pengenalan	69
	5.2	Perbincangan	70
	5.2.1	Kompetensi-Kompetensi Yang Diperlukan	70
	5.2.2	Kompetensi Yang Ada	72
	5.2.3	Keutamaan Kompetensi Berdasarkan Persepsi Responden	75
	5.3	Kesimpulan	77
	5.4	Cadangan	79
	5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	80
VI		REKABENTUK DAN PEMBANGUNAN BUKU PANDUAN	82
	6.1	Pengenalan	82
	6.2	Kenalpasti Kompetensi Pensyarah	84
	6.3	Tentukan Keperluan Buku Panduan	84
	6.4	Tentukan Objektif	84
	6.5	Tentukan Isi Kandungan Buku panduan	85
	6.6	Tentukan Format Buku Panduan	86

6.7	Sediakan Buku panduan	87
6.8	Semakan Buku Panduan oleh Penyelia	87
6.9	Kemaskini Buku Panduan	87

	RUJUKAN	88
--	----------------	-----------

	LAMPIRAN	92
--	-----------------	-----------

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Skala Likert Soal Selidik Bagi Bahagian A (Keperluan)	36
3.2	Skala Likert Soal Selidik Bagi Bahagian B (Kompetensi Terkini)	36
3.3	Nilai Ketekalan Instrumen Kajian	38
4.1	Jumlah Responden Asal Kajian Dan Jumlah Sebenar Responden (Responden Kiraan)	42
4.2	Bilangan Responden Berdasarkan Jantina	43
4.3	Bilangan Responden Berdasarkan Kategori Umur	44
4.4	Kelulusan Akademik Responden	45
4.5	Kelayakan Iktisas Responden Dalam Pendidikan Dalam Pendidikan.	46
4.6	Pengalaman Sebagai Pensyarah Politeknik	47
4.7	Respon Yang Diberikan Oleh Responden Terhadap Item Mata Pelajaran Yang Diajar Di Politeknik.	48
4.8	Kursus Dalam Perkhidmatan Yang Pernah Diikuti Oleh Responden	48
4.9	Bentuk Dan Sumber Kursus Yang Pernah Diikuti.	49
4.10	Jadual Tafsiran Min	50
4.11	Peratus Kompetensi Perancangan Pengajaran Yang Diperlukan Dalam Proses Pengajaran (n = 105 responden)	53

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
4.12	Peratus Kompetensi Pelaksanaan Pengajaran Yang Diperlukan Dalam Proses Pengajaran (n = 105 responden)	55
4.13	Peratus Kompetensi Penilaian Pencapaian Pelajar Yang Diperlukan Dalam Proses Pengajaran (n = 105 responden)	57
4.14	Peratus Kompetensi Hubungan Interpersonal Yang Diperlukan (n = 105 responden)	58
4.15	Jadual Tafsiran Min	59
4.16	Peratus Kompetensi Perancangan Pengajaran Yang Ada Pada Pensyarah (n = 105 responden)	61
4.17	Peratus Kompetensi Pelaksanaan Pengajaran Yang Ada Pada Pensyarah (n = 105 responden)	63
4.18	Peratus Kompetensi Penilaian Pencapaian Pelajar Yang Ada Pada Pensyarah (n = 105 responden)	65
4.19	Peratus Kompetensi Hubungan Interpersonal Yang Ada Pada Pensyarah (n = 105 responden)	67
4.20	Keutamaan Kompetensi Pengajaran Berdasarkan Persepsi Responden	68

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Kompetensi Pensyarah Dalam Proses Pengajaran	6
2.1	Rajah Pengajaran Efektif (Satu Pendekatan Sistemik)	15
2.2	Lapan Langkah Dalam Perancangan Pengajaran	19
3.1	Model Proses Kompetensi	34
3.2	Skala Keutamaan Yang Digunakan Bagi Soal Selidik Bahagian 3	37
5.1	Kompetensi Yang Perlu Dalam Proses Pengajaran Mengikut Keutamaan	76
6.1	Cartalir Merekabentuk dan Menyediakan Buku Panduan	83
6.2	Struktur Buku Panduan Pembentukan Kompetensi Pensyarah Dalam Pengajaran	86

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Jadual Penentuan Sampel oleh Krejeie dan Morgan (1970)	93
B	Borang Soal Selidik	95
C	Hasil Kajian Rintis	104
D	Hasil Analisis Demografi	108
E	Hasil Analisis Kompetensi Yang Diperlukan	113
F	Hasil Analisis Kompetensi Yang Ada	123
G	Hasil Analisis Keutamaan Kompetensi Pengajaran Berdasarkan Persepsi Responden	133
H	Buku Panduan Membina Kompetensi Guru Dalam Pengajaran Serbaguna	134

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Dunia kini melalui perubahan yang amat pantas hasil daripada perubahan teknologi dan ledakan maklumat. Perkembangan ini menuntut manusia berubah agar tidak terpinggir oleh perubahan yang berlaku. Jikalau tidak, bukan sahaja ciptaan seperti teknologi akan menjadi lapuk, malahan manusia itu sendiri akan ketinggalan zaman. Turut sama merasai dan mengalami bahang perubahan ini ialah sistem pendidikan negara. Telah diakui bahawa pendidikan merupakan satu wadah yang mampu mensejahterakan manusia melalui perubahan-perubahan. Pendidikan juga merupakan jentera untuk menjanakan ilmu pengetahuan, ketrampilan dan nilai-nilai yang boleh membawa manusia sejagat ke tahap peradaban yang tinggi. Perubahan-perubahan yang diwujudkan dalam senario sistem pendidikan pula merupakan strategi ke arah menangani cabaran Wawasan 2020.

Pendidikan juga merupakan satu bidang penting dalam melahirkan tenaga kerja yang berketrampilan dan bermaklumat. Masyarakat beranggapan pendidik sebagai

individu yang bertanggungjawab dalam menghasilkan pendidikan yang berketrampilan dan bermaklumat kepada pelajar. Pendidik perlulah mempunyai kompetensi-kompetensi dalam proses pengajaran dan pembelajaran demi untuk menghasilkan tenaga kerja yang berkualiti bagi mencapai hasrat negara untuk menghadapi cabaran Wawasan 2020. Peranan dan tanggungjawab seorang pendidik adalah sangat kritikal. Mereka perlu memiliki keupayaan, kebolehan dan kepakaran bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan berkesan. Oleh itu, kualiti pengajaran pendidik secara tidak langsung akan mempengaruhi kualiti bakal tenaga kerja yang akan dihasilkan oleh institusi-institusi pengajian tinggi.

1.2 Latarbelakang Kajian

Pendidikan teknik dan vokasional adalah penting dalam pembangunan sesebuah negara khususnya jika negara tersebut ingin menjadi sebuah negara yang maju berasaskan perindustrian. Menyedari hakikat ini menyebabkan Malaysia yang merupakan sebuah negara sedang membangun perlu berusaha ke arah tersebut.

Jika dahulu, pendidikan yang berteraskan akademik menjadi pilihan individu dalam membina kejayaan hidup tetapi masyarakat kini tidak hanya tertumpu kepada bidang akademik semata-mata sebaliknya menjadikan bidang kemahiran sebagai pilihan dalam membina kerjaya yang memenuhi kehendak industri. Oleh itu beberapa perubahan telah berlaku dalam sistem pendidikan teknik dan vokasional pada abad ini sebagai memenuhi keperluan tenaga kerja mahir atau separa mahir dalam bidang industri. Antara pendidikan selepas menengah yang menawarkan pendidikan teknik dan vokasional ialah politeknik-politeknik di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Oleh kerana pendidikan teknik dan vokasional memainkan peranan penting dalam mencapai kemajuan negara pada masa kini, maka kerajaan juga telah mengambil tindakan penting dalam tahun 1995 apabila satu Pelan Tindakan Peningkatan Pengeluaran Tenaga Manusia Teknikal telah digubal. Dalam pelan tersebut ada menyatakan bahawa:

“Pelan Tindakan Pengeluaran tenaga Manusia Teknikal bertujuan meningkatkan keluaran juruteknik dan jurutera menjelang tahun 2020 dengan menggunakan satu strategi terancang yang radikal bagi menjuruskan pelajar ke bidang teknik semasa di sekolah menengah lagi. Pelan ini melibatkan penawaran mata pelajaran teknikal di beberapa buah sekolah menengah atas serta pengembangan sekolah menengah teknik dan vokasional.”

(Shahril @ Charil dan Habib, 1999)

Oleh itu, jelaslah bahawa penghasilan tenaga kerja yang berkualiti adalah sangat penting bagi politeknik-politeknik demi memenuhi hasrat kerajaan dalam melahirkan juruteknik dan jurutera menjelang tahun 2020. Apabila memperkatakan tentang penghasilan tenaga kerja mahir maka wujud pelbagai persoalan yang perlu diperjelaskan. Antaranya ialah siapakah yang bertanggungjawab mendidik tenaga kerja negara dan apakah yang perlu ada pada diri seseorang pensyarah dalam mendidik bakal tenaga kerja tersebut?

Menjawab persoalan ini, maka jelaslah bahawa peranan dan tanggungjawab untuk menghasilkan tenaga kerja yang berkualiti dalam bidang teknik dan vokasional tentulah merujuk kepada pensyarah-pensyarah politeknik. Penghasilan pensyarah politeknik yang berkualiti dan berdaya saing hendaklah diberi penekanan dalam pendidikan kerana pendidikan yang berkualiti tidak akan dapat dicapai sekiranya pengajaran pensyarah tidak mencapai tahap kualiti yang diperlukan dalam proses pengajaran. Oleh itu, jelaslah bahawa tenaga kerja yang berkualiti merujuk kepada kebolehan, keupayaan dan kepakaran pensyarah dalam menghasilkan proses pengajaran yang berkesan.

1.3 Pernyataan Masalah

Cabaran utama yang dihadapi oleh sistem pendidikan di Malaysia dewasa ini ialah untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti dan seterusnya menghasilkan 'output' tenaga kerja yang bermaklumat dan berketrampilan sesuai dengan kehendak-kehendak pembangunan negara. Senario inilah memerlukan kita melihat sistem pendidikan dari akar umbinya. Antara perkara yang perlu diberi perhatian ialah pentingnya kompetensi pengajaran dalam proses pengajaran pensyarah di politeknik atau institusi-institusi pengajian lain.

Walaupun kebanyakan pensyarah yang berkhidmat di politeknik-politeknik mempunyai kelayakan iktisas dalam pendidikan. Namun berdasarkan pengalaman pengkaji selama hampir dua bulan berkhidmat di politeknik di dapati bahawa kebanyakan pensyarah di politeknik tidak mengaplikasikan sepenuhnya kemahiran atau kebolehan atau kompetensi yang telah mereka perolehi semasa mengikuti kursus pendidikan mereka.

Antara pemerhatian yang telah dibuat oleh pengkaji ialah kebanyakan pensyarah di politeknik tidak mempelbagaikan teknik dan kaedah pengajaran mereka (pengajaran dan pembelajaran lebih berpusat kepada pensyarah), hanya menggunakan papan putih atau *overhead projector* (OHP) sebagai alat pengajaran, tidak menyediakan perancangan mengajar harian, sering menggunakan nota sedia ada tanpa membuat sebarang perubahan dan lain-lain. Oleh itu, keadaan ini telah menarik minat pengkaji untuk mengkaji tahap kompetensi pensyarah dalam proses pengajaran yang ada dan yang diperlukan oleh seseorang pensyarah yang sedang berkhidmat di politeknik.

1.4 Persoalan Kajian

Apabila memperkatakan tentang pentingnya kompetensi pengajaran dalam proses pengajaran pensyarah politeknik, maka timbullah beberapa persoalan yang perlu diambilkira dalam kajian ini. Persoalan-persoalan tersebut ialah:

1. Apakah kompetensi yang perlu ada bagi seseorang pensyarah dalam proses pengajaran?
2. Setakat manakah kompetensi yang ada pada seseorang pensyarah?
3. Apakah kompetensi pengajaran yang perlu diberi keutamaan oleh seseorang pensyarah dalam melaksanakan proses pengajaran?

1.5 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kompetensi-kompetensi pengajaran yang perlu ada pada seseorang pensyarah dalam menghasilkan proses pengajaran yang efektif. Secara khususnya kajian ini adalah bertujuan untuk:

1. Menentukan kompetensi pengajaran yang diperlukan oleh seseorang pensyarah dalam proses pengajaran
2. Menenalpasti kompetensi pengajaran yang ada pada seseorang pensyarah
3. Melihat keutamaan kompetensi pengajaran pensyarah dalam proses pengajaran